

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

SHOPEE DIMINTA RESPONS KEPADA PERTANYAAN MyCC

KUALA LUMPUR, 21 OKTOBER 2022 – Pada 19 Oktober 2022, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (“MyCC”) telah mengadakan perjumpaan bersama Shopee Mobile Malaysia Sdn Bhd (“Shopee”) berikutan peningkatan ketidakpuasaan hati orang ramai terhadap amalan tertentu Shopee. Pada masa yang sama, libat urus itu diadakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai industri platform dalam talian dan industri logistik yang menyediakan perkhidmatan penghantaran permulaan dan terakhir untuk platform berkaitan.

MyCC mengalu-alukan dan mengambil maklum inovasi yang dihasilkan oleh pemain-pemain industri yang telah meningkatkan secara drastik pengalaman membeli-belah secara atas talian untuk semua rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, MyCC juga percaya bahawa pemain industri perlu mengawasi tentang tingkah laku mereka sendiri dalam industri dinamik ini yang mungkin boleh menimbulkan sebarang isu persaingan dan menyebabkan kemudaratan kepada pengguna platform termasuk pembeli-pembeli akhir dan peniaga-peniaga.

Justeru, rentetan dari peningkatan aduan oleh pengguna dan peniaga terhadap Shopee berkaitan dengan ketidakpuasan hati terhadap perkhidmatan penghantaran permulaan dan terakhir, MyCC telah mengambil langkah konkret untuk berjumpa dengan Shopee untuk mendalami isu tersebut. Shopee kini dikehendaki memberikan MyCC justifikasi terhadap perlakuannya dan cara bagaimana isu ini akan ditangani secara dalaman dengan jelas tanpa menjaskan kepentingan pengguna menjelang akhir Oktober 2022. MyCC juga akan meneruskan usahanya dalam memantau pemain-pemain industri lain yang beroperasi dalam pasaran yang sama.

“Memandangkan ekonomi digital adalah cara masa depan untuk memacu pertumbuhan ekonomi, adalah penting untuk memastikan bahawa platform pasaran dalam talian menyediakan persekitaran yang kondusif kepada pengguna sedia ada. Kami memahami cabaran semasa yang dihadapi oleh pemain-pemain industri. Walau bagaimanapun, ia tidak seharusnya menghalang mereka daripada memberikan



**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

perkhidmatan terbaik kepada pengguna. Dalam hal ini, kami akan meneruskan usaha kami untuk memantau dengan secara dekat tingkah laku mereka pada masa hadapan dalam menangani isu-isu terkini dan isu persaingan yang berkaitan dengan platform tersebut. Yang lebih penting, kami tidak akan teragak-agak untuk menggunakan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan kami terhadap mana-mana perusahaan yang disyaki melanggar perundangan persaingan," kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.